

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NASIONAL

# 191 individu di Tenom alami muntah, cirit-birit

16 daripada 19 sampel klinikal diambil menunjukkan kehadiran Rotavirus


Oleh Izwan Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Seramai 191 individu di daerah Tenom dijangkiti *gastroenteritis* akut (AGE), disyaki berpunca daripada *Rotavirus* yang menyebabkan muntah, cirit-birit dan demam, bermula 2 Jun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Datuk Dr Asits Sanna, mengesahkan wabak itu dinotifikasikan pada 6 Jun selepas banyak kes dengan gejala sama direkodkan di daerah berkenaan.

Katanya, JKNS melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Tenom mula mengenal pasti peningkatan kes AGE pada 4 Jun menerusi survelan AGE yang dijalankan secara berterusan.

"Siasatan lanjut berdasarkan tarikh mula gejala yang dilaporkan antara 2 Jun 2024 hingga 13 Jun mendapati jumlah notifikasi kes AGE sebanyak 191 kes. Sebanyak 154 kes menerima rawatan pesakit luar, manakala 37 lagi dimasukkan ke hospital untuk rawatan lanjut.



"Sebanyak 33 kes sudah discaj dan hanya empat kes masih berada di wad, tapi dalam keadaan stabil," katanya dalam satu kenyataan semalam bagi menjawab surat yang tular di aplikasi WhatsApp berkaitan peningkatan kes AGE di daerah Tenom.

#### Aktif aktiviti kawalan

Dr Asits berkata, berikutan wabak berkenaan, JKNS mengaktifkan aktiviti kawalan, termasuk siasatan epidemiologi, makmal, persekitaran dan pendid-

kan kesihatan kepada kes serta orang awam.

"Setakat ini, 19 sampel klinikal diambil daripada kes yang dimasukkan ke Hospital Tenom dan didapati 16 sampel klinikal menunjukkan kehadiran *Rotavirus*."

"Punca jangkitan yang disyaki berkemungkinan daripada pengambilan air tercemar. Sampel persekitaran juga diambil bagi mengesan punca kejadian. Bagaimanapun, punca sebenar kejadian masih dalam siasatan.

"Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) juga dimaklumkan untuk mengambil tindakan pemantauan pengklorinan air terawat di daerah itu," katanya menjelaskan jangkitan *Rotavirus* dikaitkan dengan jangkitan pada usus yang biasa berlaku terhadap kanak-kanak.

Katanya, gejala jangkitan ialah cirit-birit, muntah dan demam yang boleh menyebabkan kekurangan air dalam badan atau dehidrasi serta boleh membawa maut sekiranya rawatan lanjut tidak diberikan segera.

"*Rotavirus* boleh ditularkan melalui air atau makanan tercemar dan kontak secara langsung dari najis ke mulut (*faecal-oral*) seseorang. Ia juga boleh merebak secara kontak ke mulut melalui tangan, alat permainan atau permukaan tercemar," katanya.

Sebagai pencegahan, beliau menyarankan beberapa langkah perlu untuk mengelak jangkitan, antaranya sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan kerap mencuci tangan serta memasak makanan dengan cara yang betul dan dimasak dengan sempurna.

"Makanan pula perlu disimpan pada suhu sesuai dan di tempat bersih, penggunaan air perlu dipastikan dari sumber selamat dan bersih, selain hanya meminum air yang sudah dimasak," katanya mengingatkan orang ramai segera mendapatkan rawatan jika mengalami gejala cirit-birit.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : LOKAL

Oleh Izwan Abdullah  
am@hmetro.com.my

**Kota Kinabalu**

**S**eramai 191 individu dijangkiti gastroenteritis akut (AGE) disyaki berpunca daripada rotavirus yang menyebabkan muntah, cirit-birit dan demam di daerah Tenom bermula 2 Jun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Datuk Dr Asits Sanna berkata, wabak itu dinotifikasikan pada 6 Jun lalu selepas banyak kes dengan gejala sama direkodkan di daerah itu.

Katanya, JKNS melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Tenom mula mengenal pasti peningkatan kes AGE pada 4 Jun lalu menerusi surveilans AGE yang dijalankan secara berterusan.

"Siasatan lanjut berdasarkan tarikh mula gejala yang dilaporkan di antara 2 Jun sehingga 13 Jun mendapati, jumlah notifikasi kes AGE adalah sebanyak 191 kes.

"Sebanyak 154 kes menerima rawatan sebagai pesakit luar, manakala 37 orang lagi dimasukkan ke

# 191 dijangkiti AGE akibat rotavirus

*Mangsa di daerah Tenom alami demam, muntah, cirit-birit*



**"Punca sebenar kejadian masih dalam siasatan"**

*Dr Asits Sanna*

hospital untuk rawatan lanjut.

"Sebanyak 33 kes sudah discaj dan hanya empat kes yang masih berada di wad, tapi dalam keadaan stabil," katanya dalam satu kenya-

taan, semalam.

Kenyataan itu bagi menjawab surat yang tular di WhatsApp sebelum ini berkaitan peningkatan kes AGE di daerah Tenom.

Sementara itu, Dr Asits berkata, berikutan wabak berkenaan JKNS mengaktifkan aktiviti kawalan termasuk siasatan epidemiologi, makmal, persekitaran dan pendidikan kesihatan kepada kes serta orang awam.

"Setakat ini, sebanyak 19 sampel klinikal diambil daripada kes yang dimasukkan ke wad Hospital Tenom dan didapati 16 sampel klinikal menunjukkan kehadiran rotavirus.

"Punca jangkitan yang disyaki berkemungkinan daripada pengambilan air yang tercemar. Sampel persekitaran juga diambil bagi mengesan punca ke-

jadian.

"Bagaimanapun punca sebenar kejadian masih dalam siasatan. Pihak Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) juga dimaklumkan untuk mengambil tindakan pemantauan pengklorinan air terawat di daerah itu," katanya.

Beliau berkata, jangkitan Rotavirus dikaitkan dengan jangkitan pada usus yang biasa berlaku terhadap kanak-kanak.

Katanya, gejala jangkitan ialah cirit-birit, muntah dan demam yang boleh menyebabkan kekurangan air dalam badan atau dehidrasi serta boleh membawa maut sekiranya rawatan lanjut tidak diberikan segera.

"Rotavirus boleh ditularkan melalui air atau makanan yang tercemar dan kontak secara langsung da-

ri najis ke mulut (faecal-oral) seseorang individu.

"Selain itu, ia juga boleh merebak secara kontak ke mulut melalui tangan, alat permainan atau permukaan tercemar," katanya.

Dr Asits berkata, sebagai pencegahan, JKNS menyarankan beberapa langkah perlu untuk mengelak jangkitan, antaranya sentiasa mengamalkan kebersihan diri dan kerap mencuci tangan serta memasak makanan dengan cara yang betul dan dimasak dengan sempurna.

Katanya, makanan pula perlu disimpan pada suhu yang sesuai dan di tempat bersih, manakala penggunaan air perlu memastikan sumber air yang selamat dan bersih selain hanya meminum air yang sudah dimasak.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NEGARA



PEJABAT Kesihatan Daerah Tenom mula mengenal pasti peningkatan kes AGE pada 4 Jun lalu.

## Dijangkiti AGE, disyaki berpunca daripada Rotavirus **191 individu demam, muntah, cirit birit**

Oleh IVAN AMIRUL

**KOTA KINABALU** – Seramai 191 individu di daerah Tenom mengalami muntah, cirit-birit dan demam disahkan dijangkiti gastroenteritis akut (AGE), disyaki berpunca daripada Rotavirus bermula 2 Jun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Datuk Dr. Asits Sanna, berkata, wabak itu dikesan pada 6 Jun lalu selepas banyak kes dengan gejala sama direkodkan di daerah berkenaan.

Katanya, JKNS melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Tenom mula mengenal pasti peningkatan kes AGE pada 4 Jun menerusi survelan AGE yang dijalankan secara berterusan.

"Siasatan lanjut berdasarkan tarikh mula gejala yang dilaporkan antara 2 hingga 13 Jun mendapati jumlah notifikasi kes AGE sebanyak 191 kes.

"Sebanyak 154 kes menerima rawatan pesakit luar manakala 37 lagi dimasukkan ke hospital untuk rawatan lanjut.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 33 kes telah keluar hospital dan hanya empat masih dirawat di wad namun berada dalam keadaan stabil," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah Dr. Asits, berikutan wabak berkenaan, JKNS telah mengaktifkan aktiviti kawalan, termasuk siasatan epidemiologi, makmal, persekitaran dan pendidikan kesihatan kepada kes serta orang awam.

"Setakat ini, sebanyak 19 sampel klinikal diambil daripada kes yang dimasukkan ke Hospital Tenom dan sebanyak 16 sampel klinikal didapati menunjukkan kehadiran Rotavirus.

"Punca jangkitan yang disyaki berkemungkinan daripada pengambilan air tercemar

dan pihaknya turut mengambil sampel persekitaran bagi mengesan punca kejadian. Bagaimanapun, punca sebenar kejadian masih dalam siasatan.

"Jabatan Air Negeri Sabah juga dimaklumkan untuk mengambil tindakan pemantauan pengklorinan air terawat di daerah itu," jelasnya.

Dr. Asits berkata, individu yang dijangkiti akan mengalami cirit-birit, muntah dan demam yang boleh menyebabkan kekurangan air dalam badan atau dehidrasi serta boleh membawa maut sekiranya tiada rawatan lanjut dalam keadaan segera.

"Rotavirus boleh ditularkan melalui air atau makanan yang tercemar dan kontak secara langsung dari najis.

"Ia juga boleh merebak secara kontak ke mulut melalui tangan, alat permainan atau permukaan tercemar," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 18  
RUANGAN : NEGARA

## 88 hot spot denggi di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya

**PETALING JAYA** – Sebanyak 88 hot spot denggi dicatatkan di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Putrajaya sepanjang tahun lalu hingga Mei lepas.

Daripada jumlah itu, lapan hot spot masih lagi aktif, manakala 80 lagi hot spot berjaya ditamatkan.

Mendedahkan perkara itu, Ketua Unit Vektor, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P), Dr. Norazman Mohd. Rosli berkata, daripada 88 hot spot yang dikesan sebelum ini, 21 adalah melibatkan kawasan di sekitar Pejabat Kesihatan (PK) Lembah Pantai.

Lebih membimbangkan katanya, kawasan itu juga mencatatkan tiga kematian sepanjang tempoh tersebut yang juga angka tertinggi bagi setiap PK.

Jelas beliau, kumulatif kes denggi bagi WPKL dan Putrajaya sepanjang tempoh berkenaan adalah sebanyak sebanyak 5,944 kes.

"Daripada jumlah ini, lima ke-



**DEMAM denggi merebak melalui gigitan nyamuk Aedes.**

matian denggi telah direkodkan termasuk tiga kes di PK Lembah Pantai.

"PK Lembah Pantai juga mencatatkan 1,544 kes iaitu 26 peratus daripada keseluruhan kes di WPKL dan Putrajaya," katanya kepada *Kosmo!*

Mengulas lanjut, Nor Azman berkata, selain Lembah Pantai, kawasan hot spot lain yang dikesan termasuklah di PK Titiwangsa 13 hot spot, PK Kepong (21), PK Cheras (32), dan PK Putrajaya (1).

Menurutnya, penularan kes



**ORANG ramai dinasihatkan untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes di kawasan masing-masing.**

denggi ini berlaku kerana beberapa faktor antaranya disebabkan bangunan berstrata tinggi yang ada di sekitar ibu kota dan Putrajaya.

"Ini terbukti apabila lebih 70 peratus kes dicatatkan melibatkan kawasan ini seperti di kawasan perumahan flat, pangsapuri, kondominium yang mem-

punyai kepadatan penduduk yang tinggi.

"Menurut data Jabatan Perangkawan (DOSM) seramai 8,157 penduduk per kilometer persegi direkodkan di sekitar ibu kota.

"Selain itu, terdapat lebih dari 300 tapak bina di sekitar WPKL yang menyumbang kepada masalah pembiakan nyamuk

aedes,"ujarnya.

Tambah Nor Azman, bilangan penduduk negeri Selangor yang mencatatkan kes denggi tertinggi di Malaysia dan bekerja di WPKL dan Putrajaya turut menyumbang kepada peningkatan kes di ibu kota serta Putrajaya.

Faktor lain katanya adalah disumbangkan oleh pencemaran sisa sampah serta bekas takungan air terutamanya di kawasan kepadatan penduduk yang tinggi seperti di kawasan flat, pangsapuri dan kondominium.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan kes kematian akibat demam denggi mengalami peningkatan sebanyak 48 kematian atau 41.2 peratus bermula Januari hingga 1 Jun tahun ini berbanding 34 kematian pada tahun sebelumnya.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, sebanyak 74 lokaliti hot spot dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-22 dengan 46 lokaliti di Selangor, 11 lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 2  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Dalam Negeri

**Minda  
Pengarang**

ISMAIL DAUD



### *Saringan kesihatan: Jangan jadikan kos tinggi sebagai alasan*

DALAM menjalani kehidupan seharian, sering kali kita mendapat berita tentang rakan-rakan dan kenalan dimasukkan ke hospital secara tiba-tiba. Serangan jantung dan strok selalunya menjadi punca.

Lebih memilukan apabila ada yang pergi pada usia yang agak muda. Ada yang belum pun mencecah 40 tahun. Maka, tinggallah isteri dan anak-anak untuk meneruskan kehidupan. Setiap daripada kita, ada risiko itu. Moga kita dijauhkan.

Walaupun kita boleh bersetuju bahawa gaya hidup, faktor pemakanan dan tekanan terutama di tempat kerja sebagai antara punca tetapi ada juga kes mereka yang aktif bersukan dan mengamalkan diet terkawal turut terlibat.

Umumnya, tahap kesedaran rakyat terhadap penjagaan kesihatan semakin meningkat. Gimnasium tumbuh melata. Jualan suplemen dalam media sosial 'laku keras'. Pantang ada suplemen yang mendakwa boleh turunkan kolesterol dalam seminggu, berebut orang membelinya tetapi kes-kes mati mengejut masih sering berlaku.

Faktanya ialah keperluan menjalani saringan kesihatan secara berkala tidak menjadi keutamaan kita. Tidak dinafikan kosnya agak tinggi. Ada yang mencecah ribuan ringgit. Wajarkah itu dijadikan alasan? Apa alternatif yang ada?

Paling murah, klinik Kementerian Kesihatan (KKM). Sesuai dengan harganya, berbaloi meluangkan masa sehari untuk mengetahui tahap kesihatan kita. Lagipun, klinik KKM kini menggunakan sistem temu janji dalam talian. Ada *cheat code* untuk dapatkan pemeriksaan segera di klinik KKM tetapi tidak bolehlah diberitahu di sini.

Ada yang kata saringan di klinik kerajaan tidak komprehensif. Hanya tertumpu kepada tiga masalah - kencing manis, darah tinggi dan kolesterol. Tetapi memang itu pun masalah utama rakyat Malaysia. Tiga inilah punca segala-galanya.

Cuma ingin diingatkan, doktor di klinik KKM biasanya gang sedikit. Bukan apa, kalau tidak, pesakit tidak disiplin.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) juga ada menyediakan perkhidmatan saringan kesihatan. Menariknya, ia percuma kepada pencarum yang layak dan dilakukan di klinik swasta.

Namun, ramai yang tidak mengambil peluang ini. Mungkin kerana 90 peratus orang dewasa merasakan mereka sihat manakala 84 peratus lagi tiada gejala seperti dapatan dalam Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023.

Di bawah Belanjawan 2024, skim ini diteruskan. Muat turun aplikasi *Sehati*. Setakat ini, aplikasi itu hanya dimuat turun kira-kira 100,000 kali sedangkan jumlah pekerja di Malaysia melebihi 16 juta orang.

Dalam masa yang sama, semua majikan wajar mewajibkan saringan kesihatan sebagai salah satu daripada faedah perubatan. Walaupun ia melibatkan kos tambahan tetapi dalam jangka panjang, langkah itu lebih menjimatkan apabila kos perubatan pekerja menurun.

Satu lagi, manfaatkanlah pelepasan cukai pendapatan untuk saringan kesihatan. Difahamkan, ramai yang membuat tuntutan setiap tahun tetapi sebenarnya tidak pun melakukan saringan.

Kajian menunjukkan pengesanan awal membantu menyediakan perancangan pengurusan dan rawatan lebih baik yang akhirnya akan meningkatkan kelangsungan hidup seseorang.

Bila kita tahu tahap kesihatan kita, hidup pun lebih tenang.

**Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang Utusan/Mingguan  
Malaysia**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Ujian kesihatan fasiliti awam murah kerana disubsidi kerajaan

**PETALING JAYA:** Kos pemeriksaan kesihatan di fasiliti kerajaan lebih murah berbanding ujian saringan kesihatan di klinik-klinik swasta kerana ia disubsidi kerajaan.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia, Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, di klinik swasta, pengendalinya perlu membayar pelbagai kos iaitu gaji petugas, mesin pemeriksaan, alatan dan ubat-ubatan.

“Tidak boleh untuk dibandingkan kos pemeriksaan di hospital kerajaan dengan klinik atau hospital kerajaan kerana kos di fasiliti kerajaan mendapat subsidi yang sangat besar.

“Jadi tidak mungkin pusat kesihatan swasta dapat menurunkan harga kerana perlu menanggung kos sendiri,” katanya.

Semalam, akhbar ini melaporkan kos ujian kesihatan yang tinggi menjadi faktor dua daripada lima rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas tidak melakukan saringan kesihatan sendiri.

Berdasarkan tinjauan *Utusan Malaysia* di hospital dan klinik serta makmal swasta mendapati harga ujian saringan kesihatan adalah sekitar RM100 hingga RM300 yang bergantung kepada jenis dan pakej pemeriksaan dilakukan.

Ini bermaksud lagi banyak seseorang individu ingin mengetahui kesihatan masing-masing, maka lagi tinggi mereka perlu membayar kos pemeriksaan kesihatan tersebut.

Dr. Kuljit berkata, antara langkah terbaik untuk menggalakkan rakyat melakukan saringan kesihatan adalah memperbanyak pusat saringan oleh agensi kerajaan.

Katanya, langkah itu dapat menggalakkan kumpulan tidak kemampuan khususnya golongan B40 dan M40 untuk menjalani ujian kesihatan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 37  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## JKR terima peruntukan RM150 juta tambah katil, kemudahan di Hospital Pontian

**PONTIAN:** Jabatan Kerja Raya (JKR) menerima peruntukan untuk kerja-kerja awal menaik taraf Hospital Pontian bernilai RM150 juta pada tahun ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, kerja-kerja tersebut dengan kos RM700,000 melibatkan ujian tanah di tapak projek dan lain-lain yang berkaitan.

Katanya, selepas kerja-kerja awalan selesai, barulah projek tersebut akan dilaksanakan pada tahun hadapan melibatkan pembinaan dua blok bangunan setinggi empat tingkat.

"Kos yang diluluskan adalah sebanyak RM150 juta dengan

150 katil selain beberapa lagi kemudahan tambahan lain, tetapi kita tunggu nanti apabila kerja-kerja pembinaan dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* selepas menyertai program ibadah korban di Madrasah Tahfiz 'Pendita Mandani di Kampung Parit Haji Yusof, Lubok Sipat, Benut di sini.

Tambah Ahmad yang juga Ahli Parlimen Pontian, projek tersebut perlu bagi daerah ini yang dianggarkan mempunyai seramai 230,000 penduduk bagi menikmati kemudahan kesihatan lebih baik.



**HOSPITAL Pontian yang sudah berusia 100 tahun memerlukan penambahan katil dan kemudahan lain bagi manfaat penduduk.**



AKHBAR : THE SUN  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : SPEAK UP



We need a strong maintenance culture of food hygiene enforcement nationwide. – ADIB RAWI YAHYA/SUNPIC

## Urgent call for strict food hygiene enforcement

**THE** increasing number of food poisoning cases in the country, especially among students, calls for a comprehensive national action plan.

It is imperative to review food preparation, transportation, handling and sales practices rigorously.

While there have been significant improvements in the enforcement of regulations concerning the appearance and frontage of eateries, similar stringent measures must also be enforced in the kitchens where food is prepared before it reaches consumers.

The kitchens in eateries are often poorly maintained, with frequent sightings of wet and dirty floors, along with visible rodent infestations.

The storage conditions for both raw and cooked food are often inadequate, evident in many shops across cities and small towns.

Another pressing concern is the hygiene practices of personnel. Given our heavy reliance on migrant workers from third-world countries, many of whom may lack proper food hygiene training, the risk of mass food poisoning is no longer a rare occurrence.

The increase in tuberculosis and other communicable diseases in Malaysia serves as a critical warning signal that demands immediate attention.

The government should work closely with the Health Ministry,

municipalities, city councils and health departments in every state to implement and enforce higher standards of food hygiene.

In a humid climate where rats and flies are abundant, food poisoning can become prevalent. Addressing food poisoning is as critical as tackling the rising cost of living.

We should uphold accountability and standards that align with our status as a rapidly modernising nation.

Furthermore, frequent food poisoning incidents will deter tourists.

Establishing a robust nationwide enforcement of food hygiene maintenance is essential.

**J. D. Lovrenciar**